

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jangka masa yang ditetapkan bagi rakyat untuk mendapat perkhidmatan yang lebih efisien dari Hospital Besar Melaka terutamanya merujuk kepada sistem pendaftaran dan rekod pesakit yang masih dikendalikan secara manual.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien kepada rakyat Malaysia termasuk di Negeri Melaka. Langkah-langkah untuk meningkatkan efisiensi dilaksanakan secara berfasa dan mengikut keutamaan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien adalah:

- i. Pertama, pelaksanaan **Hospital Kluster** sejak 2014. Melalui Hospital Kluster, hospital daerah dan penduduk sekitarnya akan mendapat khidmat kepakaran secara terus dan berkala melalui perkhidmatan kepakaran yang disepadukan dan dikordinasikan dengan lebih bersistematik. Dengan inisiatif ini kesesakan diwad dapat dikurangkan; Hospital di Melaka yang terlibat dengan Hospital Kluster Melaka adalah Hospital Melaka (Lead Hospital)

## SOALAN NO : 10

di mana perkhidmatan kepakaran diberikan kepada Hospital Alor Gajah (Non Lead Hospital ) dan Hospital Jasin (Non Lead Hospital). Perkhidmatan Hospital Kluster bukan sahaja dilaksanakan di Melaka tetapi di seluruh Malaysia.

- ii. Kedua melalui pendekatan ***staggered clinic appointment (temujanji berfasa)*** pesakit hadir pada masa yang telah ditetapkan. Dengan cara ini kesesakan di klinik dapat dikurangkan kerana pesakit datang pada waktu yang ditetapkan sahaja. Pendekatan ini bukan sahaja dilaksanakan di Hospital Melaka, tetapi di fasiliti-fasiliti kesihatan lain di Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii. Ketiga, mengaplikasikan ***Lean Healthcare*** dalam proses rawatan pesakit di Zon Hijau Jabatan Kecemasan, dan juga proses kemasukan serta discaj pesakit di wad. Proses kemasukan dan discaj akan menjadi lebih efisien termasuk pengurusan katil yang lebih efektif bagi mengurangkan kesesakan di wad selain memendekkan tempoh menunggu katil bagi pesakit yang memerlukan rawatan pesakit dalam. Inisiatif ini dilaksanakan di 52 hospital KKM termasuk Hospital Melaka akan dilaksanakan di hospital-hospital lain. Contoh inisiatif dalam ***Lean Healthcare*** adalah;
  - a. Penubuhan ***Bed Management Unit (BMU)*** untuk kemasukan pesakit elektif (iaitu pesakit yang telah diberikan temujanji untuk kemasukan ke wad) serta memastikan pesakit-pesakit yang memerlukan katil dapat diutamakan dengan cepat; dan
  - b. Projek rintis ***Multi-Disciplinary Short Stay Unit*** adalah sebuah unit yang disediakan bagi merawat pesakit dari pelbagai disiplin yang dijangka hanya memerlukan rawatan tidak lebih dari 72 jam tanpa perlu kemasukan di wad. Contoh pesakit-pesakit yang dirawat di unit adalah seperti pesakit yang memerlukan rawatan dehidrasi dan pesakit yang memerlukan pemantauan klinikal sehingga berada

## SOALAN NO : 10

pada tahap kesihatan optimum. Projek rintis ini sedang dijalankan di beberapa hospital di Lembah Klang.

- iv. Inisiatif-Inisiatif Lain Untuk Meningkatkan Efisiensi Perkhidmatan Farmasi dan Tambah Nilai Farmasi (Value Added Service, VAS) untuk memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat susulan dan mengurangkan masa menunggu di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan:
- a. Sistem pembekalan ubat-ubatan (SPUB)
  - b. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP)
  - c. Farmasi Pandu Lalu
  - d. Perkhidmatan Locker4U
  - e. Perkhidmatan Sistem Temujanji secara telefon dan SMS

Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi ini adalah antara faktor yang telah menyumbang kepada pengurangan masa menunggu pesakit di Kaunter Farmasi Hospital Melaka.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan supaya skop pelaksanaan EMR diperluaskan kepada semua fasiliti kesihatan Kerajaan (hospital serta klinik kesihatan) di seluruh negara secara berfasa termasuk Hospital Melaka. Untuk Fasa 1, sebanyak RM140 juta telah diluluskan untuk projek EMR yang akan dilaksanakan di fasiliti kesihatan KKM di Negeri Sembilan meliputi 7 buah hospital, 44 buah klinik kesihatan dan 12 buah klinik pergigian. Projek ini akan dijangka akan dilaksanakan bermula tahun hadapan.

3. Di seluruh negara, setakat ini 19 Hospital mempunyai Hospital Information System (HIS), 6 Hospital mempunyai Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) dan 10 Hospital mempunyai Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD).

## SOALAN NO : 10

4. Buat masa ini sistem pendaftaran di Hospital Melaka di buat secara manual. Sistem ini **akan dinaiktaraf kepada sistem IT. Kerja-kerja naik taraf persedian kepada sistem IT di Hospital Melaka sedang berjalan dan dijangka siap pada tahun 2022.**

5. Pencarian Rekod Perubatan Pesakit secara manual bagi temujanji di klinik pakar disediakan dalam tempoh 3 hari sebelum tarikh temujanji dan telah **mencapai 98.29% bagi tahun 2019 iaitu melebihi 95% standard** yang telah ditetapkan. Kaedah ini bukan sahaja dilaksanakan di Hospital Melaka tetapi di kebanyakan Hospital di Malaysia.

Sekian, terima kasih.